



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49
No. 4

16hb Februari 2006

*TAMBAHAN No. 1
ENAKMEN*

Enakmen-enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 62 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis:

The following Enactments, passed by the Perlis State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Ruler, are published pursuant to Clause (3) of Article 62 of the Laws of the Constitution of Perlis:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen 1	Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Perlis) 2006 Revision of Laws (State of Perlis) Enactment 2006
Enakmen 2	Enakmen Perladangan Unggas Negeri Perlis 2006 Poultry Farming Enactment State of Perlis 2006
Enakmen 3	Enakmen Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Perbadanan) 2006 Perlis State Secretary (Incorporation) Enactment 2006



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 1

**ENAKMEN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(NEGERI PERLIS) 2006**

Tarikh Persetujuan DiRaja	...	...	...	2 Februari 2006
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	...	...	...	16 Februari 2006

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 1

ENAKMEN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (NEGERI PERLIS) 2006

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pelantikan Pesuruhjaya
4. Pencetakan undang-undang yang disemak
5. Kuasa Pesuruhjaya
6. Cara menyusun undang-undang yang disemak
7. Penyiaran undang-undang yang disemak
8. Siapnya penyemakan undang-undang sebelum tahun 2004 hendaklah diberitahu dalam *Warta*
9. Kecualian bagi perundangan subsidiari yang ada sekarang
10. Penyemakan perundangan subsidiari
11. Cetakan semula undang-undang
12. Penerbitan jilid demi jilid
13. Pengemaskinian cetakan semula
14. Pembetulan pada kesilapan bentuk
15. Rujukan mengenai nombor barisan dalam sesuatu undang-undang
16. Perwakilan kuasa
17. Tempat Enakmen ini dalam siri Undang-Undang Negeri Perlis
18. Pemberhentian pemakaian seksyen 120 Akta Tafsiran 1948 dan 1967

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 1

ENAKMEN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (NEGERI PERLIS) 2006

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED FAIZUDDIN
PUTRA JAMALULLAIL
Pemangku Raja Perlis

3 Muharam 1427
2 Februari 2006

Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan penyemakan dan cetakan semula undang-undang dan perundangan subsidiari.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Perlis) 2006 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“enakmen” ertinya suatu undang-undang sebagaimana ditakrifkan di bawah ini atau mana-mana bahagian undang-undang itu;

“Pesuruhjaya” ertinya Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang yang dilantik di bawah seksyen 3;

“undang-undang” ertinya mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan sesuatu perkara yang Badan Perundangan Negeri Perlis ada kuasa untuk membuat undang-undang tetapi, kecuali dalam seksyen 11, 12 dan 13 tidaklah termasuk Enakmen ini atau mana-mana perundangan kecil;

“cetakan semula” ertinya edisi cetakan semula mana-mana undang-undang atau mana-mana jilid undang-undang sedemikian yang disediakan dan diterbitkan menurut seksyen 3;

“undang-undang yang disemak” ertinya edisi semakan mana-mana undang-undang yang disediakan dan diterbitkan menurut seksyen 3.

Pelantikan Pesuruhjaya

3. Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik Penasihat Undang-Undang Negeri sebagai Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang untuk menyediakan dan menerbitkan undang-undang yang disemak dan cetakan semula sebagaimana yang difikirkan suai manfaat oleh Pesuruhjaya.

Pencetakan undang-undang yang disemak

4. Suatu undang-undang yang disemak hendaklah dicetak oleh Pencetak Kerajaan, atau oleh mana-mana pencetak lain sebagaimana yang dilantik oleh Pesuruhjaya dalam sesuatu hal yang tertentu bagi maksud itu.

Kuasa Pesuruhjaya

5. (1) Pesuruhjaya mempunyai kuasa yang berikut:

(i) meninggalkan daripada mana-mana undang-undang yang disemak—

(a) mana-mana enakmen pemansuhan mana-mana peruntukan pemansuhan dalam mana-mana enakmen dan apa-apa susunan atau senarai enakmen yang telah dimansuhkan, sama ada terkandung dalam sesuatu Jadual atau selainnya;

- (b) mana-mana mukadimah atau sebahagian daripada mukadimah dalam sesuatu undang-undang;
- (c) mana-mana kata permulaan bagi enakmen dalam mana-mana undang-undang atau peruntukannya;
- (d) mana-mana enakmen yang menetapkan tarikh bila sesuatu undang-undang atau sebahagiannya akan mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa tarikh bila undang-undang itu atau bahagiannya mula berkuat kuasa adalah dimasukkan oleh Pesuruhjaya dalam kurungan segi selepas sahaja tajuk panjang undang-undang yang disemak itu;

- (e) mana-mana enakmen pemindaan jika pindaan-pindaan yang terlibat olehnya itu dimasukkan oleh Pesuruhjaya dalam undang-undang yang berkenaan dengannya atau telah dimasukkan sedemikian dalam mana-mana cetakan semula yang dicetak menurut mana-mana undang-undang bertulis;
- (f) mana-mana ayat yang menjadikan undang-undang;
- (g) mana-mana bahagian undang-undang yang boleh lebih sesuai dimasukkan sebagai perundangan kecil;
- (h) mana-mana tafsiran mengenai apa-apa perbahasan yang ditakrif dalam undang-undang yang dipakai bagi penafsiran undang-undang yang disemak itu dan istilah yang digunakan dalam takrif istilah undang-undang selepas ia disemak;
- (i) mana-mana peruntukan yang merujuk kepada sesuatu perkara dan perkara itu ada diperuntukkan mengikut istilah yang sama

atau yang serupa dalam undang-undang yang dipakai bagi pentafsiran undang-undang itu selepas ia disemak:

Dengan syarat bahawa peruntukan berkenaan dengan cara mengertikan undang-undang pemindaan yang terkandung dalam undang-undang berkenaan dengan pentafsiran undang-undang hendaklah dipakai bagi ketinggalan-keinggalan itu seolah-olah peruntukan yang ditinggalkan itu telah dimansuhkan; dan

(j) mengenai sesuatu undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara yang sebahagiannya dalam Senarai Negeri dan—

(A) yang sebahagiannya dalam Senarai Bersama atau Senarai Persekutuan; atau

(B) yang sebahagiannya dalam senarai bersama dan yang sebahagiannya dalam Senarai Persekutuan,

semua peruntukan kecuali peruntukan-peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara dalam Senarai Negeri:

Dengan syarat bahawa kuasa-kuasa yang terkandung dalam perenggan ini tidak boleh dijalankan melainkan selepas berunding dengan Peguam Negara;

(k) mana-mana peruntukan atau bahagian sesuatu peruntukan dalam mana-mana undang-undang yang tidak lagi berkuat kuasa;

(ii) mengatur susunan undang-undang yang disemak dan memberi nombor bab, nombor siri atau nombor lain kepadanya;

- (iii) membuat apa-apa perubahan bentuk sebagaimana yang perlu atau mustahak kepada mana-mana undang-undang bagi maksud mendapatkan persamaan perbahasan; atau bagi menyesuaikan undang-undang itu supaya selaras dengan peruntukan undang-undang yang dipakai bagi pentafsiran undang-undang itu selepas ia disemak;
- (iv) memakai suatu bentuk piawaian yang sesuai dalam semua undang-undang yang disemak bagi—
 - (a) seksyen tafsiran;
 - (b) mana-mana seksyen penal;
 - (c) mana-mana seksyen yang memberi kuasa untuk membuat perundangan subsidiari;
- (v) mengubah perkataan “Perisytiharan” atau “Ordinan” atau lain perkataan dalam mana-mana undang-undang kepada “Enakmen”;
- (vi) menambahkan tajuk panjang atau tajuk ringkas kepada mana-mana undang-undang yang menghendaknya, dan mengubah tajuk panjang atau tajuk ringkas mana-mana undang-undang;
- (vii) mengadakan atau mengubah susunan-susunan kandungan dan hasyiah-hasyiah:

Dengan syarat bahawa susunan-susunan kandungan dan hasyiah-hasyiah itu tidaklah menjadi sebahagian daripada undang-undang yang mengandungnya;

- (viii) menyatukan dalam satu undang-undang mana-mana dua atau lebih daripada dua undang-undang atau bahagiannya yang *in pari materia* berhubungan dengan perkara-perkara yang Badan Perundangan Negeri berkuasa membuat undang-undang, tidak kira

mana badan perundangan yang telah membuat undang-undang itu, dengan membuat apa-apa perubahan sebagaimana yang diperlukan dalam enakmen yang disatukan itu, dan dengan menetapkan suatu tarikh yang difikirkan sesuai sekali bagi mula berkuat kuasanya undang-undang itu;

- (ix) memecahkan mana-mana undang-undang kepada dua atau lebih daripada dua undang-undang dan membuat apa-apa pindaan, termasuk memberi tajuk atau mengubah tajuk yang sedia ada sebagaimana yang didapati perlu;
- (x) menambah kepada atau meninggalkan daripada mana-mana undang-undang apa-apa peruntukan yang dikehendaki ditambah atau ditinggalkan atau, atau mengganti apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang yang dikehendaki diganti, disebabkan oleh apa-apa pindaan yang dibuat kepada undang-undang itu oleh mana-mana undang-undang lain atau oleh sesuatu pihak berkuasa mengikut kuasa yang diberi oleh undang-undang;
- (xi) memindahkan apa-apa peruntukan yang terkandung dalam sesuatu undang-undang daripada undang-undang itu kepada mana-mana undang-undang lain yang lebih sesuai bagi peruntukan itu, dengan membuat apa-apa perubahan yang didapati perlu;
- (xii) mengubah susunan peruntukan dalam mana-mana undang-undang, dan menomborkan semula peruntukan mana-mana undang-undang;
- (xiii) mengubah bentuk atau susunan peruntukan mana-mana undang-undang dengan menukar tempat perkataan-perkataan, dengan mencantumkan kesemuanya atau sebahagiannya dengan suatu peruntukan lain atau peruntukan lain atau dengan memecahkannya kepada dua atau lebih daripada dua peruntukan;

- (xiv) memecahkan mana-mana undang-undang, sama ada yang disatukan atau yang tidak disatukan, kepada bahagian-bahagian atau penggal-penggal lain;
- (xv) membetulkan kesilapan nahu, cetak dan kesilapan-kesilapan yang seumpamanya dan bagi maksud itu menambah, meninggalkan atau mengubah apa-apa perkataan dengan tidak menyentuh pengertian mana-mana undang-undang;
- (xvi) mengubah, memasukkan atau meninggalkan tanda-tanda bacaan dalam mana-mana undang-undang;
- (xvii) membuat apa-apa perubahan bentuk tentang nama, tempat, jabatan, pejabat nama jawatan dan selainnya sebagaimana yang perlu untuk menyesuaikan mana-mana undang-undang dengan hal keadaan Negeri Perlis pada tarikh bila undang-undang dalam bentuknya yang disemak itu mula berkuat kuasa;
- (xviii) membuat apa-apa penyesuaian atau pindaan sebagaimana yang didapati perlu atau patut disebabkan oleh apa-apa perubahan tentang Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau Negeri Perlis atau mana-mana bahagian Komanwel;
- (xix) membetulkan rujukan silang termasuk rujukan mengenai undang-undang bagi wilayah lain;
- (xx) membetulkan rujukan mengenai undang-undang yang dimansuhkan dengan menggantikan rujukan itu dengan rujukan mengenai mana-mana undang-undang yang telah memansuhinya, dan bagi maksud itu adalah diisytiharkan bahawa suatu undang-undang adalah disifatkan sebagai diganti oleh suatu undang-undang lain jika sekiranya dinyatakan dengan nyatanya dalam undang-undang yang kemudiannya itu bahawa ia adalah menggantikan undang-undang yang dimansuhkan itu, atau jika sekiranya undang-undang

yang kemudiannya itu menjadikan undang-undang semula sama ada dengan pengubahsuaian atau tidak, mana-mana peruntukan undang-undang yang dimansuhkan itu;

(xxa) mengemaskinikan istilah dan ejaan dalam teks bahasa kebangsaan mana-mana undang-undang supaya selaras dengan istilah dan ejaan yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka;

(xxb) memotong apa-apa perkataan, ungkapan, tatanama atau peruntukan lain dalam mana-mana undang-undang yang tidak lagi digunakan atau tidak lagi berkuat kuasa, termasuk rujukan kepada undang-undang yang dimansuhkan, dan untuk menggantikannya jika perlu dengan perkataan, ungkapan, tatanama atau peruntukan yang sesuai atau rujukan kepada undang-undang yang sesuai.

(xxi) meringkaskan atau memudahkan rangkai kata mana-mana undang-undang;

(xxii) memansuhkan atau meminda mana-mana enakmen oleh sebab penyediaan undang-undang yang disemak;

(xxiii) menetapkan tarikh bila sesuatu undang-undang yang disemak itu akan mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa tarikh itu tidaklah boleh lebih awal daripada tarikh bila undang-undang yang disemak itu diterbitkan dalam *Warta*;

(xxiv) membuat segala perkara lain berhubungan dengan bentuk dan kaedah yang perlu untuk memperkemaskan suatu undang-undang yang disemak;

(2) Dalam subseksyen (1) “pindaan” termasuklah, jika ia digunakan berhubung dengan kuasa yang diberi kepada Pesuruhjaya, apa-apa perubahan undang-undang yang perlu untuk melaksanakan mana-mana

enakmen dalam mana-mana undang-undang lain supaya dengan demikian itu bidang, kuat kuasa atau pentafsiran mana-mana peruntukan undang-undang yang mula-mula disebut itu diubah, diubahsuai, diperluas, dihad, dipersyarat atau selainnya tersentuh.

(3) Kuasa yang diberi kepada Pesuruhjaya oleh subseksyen (1) tidaklah boleh diertikan sebagai dia berkuasa untuk membuat apa-apa perubahan atau pindaan tentang isi mana-mana undang-undang.

Cara menyusun undang-undang yang disemak

6. Suatu undang-undang yang disemak hendaklah disusun mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang difikirkan mustahak oleh Pesuruhjaya dan hendaklah mengandungi—

(i) di muka hadapannya—

(a) ungkapan “Undang-Undang Negeri Perlis”;

(b) tajuk ringkas dan nombor undang-undang yang disemak itu;

(c) tarikh yang sehingganya undang-undang itu disemak; dan

(d) tarikh yang ditetapkan di bawah perenggan 5(1)(xxiii) bila undang-undang yang disemak itu akan mula berkuat kuasa;

(ii) suatu senarai undang-undang yang telah meminda undang-undang itu sehingga tarikh penyemakannya dengan menunjukkan tarikh bila pindaan itu mula berkuat kuasa; dan

(iii) suatu senarai undang-undang atau bahagiannya yang digantikan atau dimansuhkan oleh undang-undang yang disemak itu.

Penyiaran undang-undang yang disemak

7. (1) Suatu undang-undang yang disemak hendaklah diterbitkan dalam *Warta* dan hendaklah berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dirujuk dalam perenggan 6(i)(d).

(2) Pada dan selepas daripada tarikh sesuatu undang-undang yang disemak berkuat kuasa, undang-undang yang disemak itu hendaklah disifatkan sebagai dan ia hendaklah menjadi, dengan tidak dipersoalkan apa-apa jua pun dalam semua mahkamah dan bagi segala maksud, undang-undang yang tunggal dan sepatutnya bagi perkara yang termasuk di dalamnya dan yang berkuat kuasa pada tarikh itu.

Siapnya penyemakan undang-undang sebelum tahun 2004 hendaklah diberitahu dalam *Warta*

8. Dengan seberapa segera yang boleh, Pesuruhjaya hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta* (yang akan disiarkan dalam Bahagian I *Warta*), memperakui bahawa penyemakan semua undang-undang yang diperbuat sebelum satu Januari 2004 (kecuali undang-undang yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu), yang belum dimansuhkan pada tarikh pemberitahuan itu, telah siap dan dengan yang demikian mana-mana undang-undang yang belum disemak di bawah Enakmen ini dan yang belum dinyatakan dalam pemberitahuan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dimansuhkan mulai dari tarikh pemberitahuan itu disiarkan.

Kecualian bagi perundangan subsidiari yang ada sekarang

9. Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang dan yang berkuat kuasa pada tarikh bila undang-undang yang disemak itu mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa sehingga diperuntukkan selainnya; dan rujukan dalam mana-mana perundangan subsidiari itu kepada undang-undang yang di bawahnya perundangan subsidiari itu telah dibuat, atau kepada mana-mana bahagiannya, atau kepada mana-mana undang-undang lain yang disemak hendaklah diertikan sebagai rujukan kepada undang-undang yang disemak itu atau kepada undang-undang lain yang telah disemak itu.

Penyemakan perundangan subsidiari

10. (1) Maka hendaklah disediakan, dengan seberapa segera yang boleh, sebagai tambahan kepada setiap satu undang-undang yang disemak, suatu cetakan perundangan subsidiari yang disemak di bawah undang-undang yang disemak itu sebagaimana yang didapati oleh Pesuruhjaya sebagai cukup mustahak untuk dimasukkan di dalamnya.

(2) Peruntukan Enakmen ini berhubungan dengan menyediakan dan menyiarkan suatu undang-undang yang disemak, hendaklah terpakai dengan apa-apa ubah suaian yang perlu bagi menyediakan dan menerbitkan perundangan subsidiari yang disemak.

Cetakan semula undang-undang

11. (1) Pencetak Kerajaan atau mana-mana Pencetak lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya dalam sesuatu hal yang tertentu bagi maksud itu boleh, dengan kuasa Pesuruhjaya, membuat cetakan semula bagi mana-mana undang-undang, sama ada telah disemak atau tidak yang mengandungi—

(a) pindaan yang dibuat oleh mana-mana undang-undang; dan

(b) pindaan yang dibuat oleh Pesuruhjaya di bawah kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2),

dan mana-mana naskhah cetakan semula yang berupa sebagai dicetak mengikut seksyen ini hendaklah disifatkan, sehingga atasnya dibuktikan, sebagai naskhah yang sah bagi undang-undang itu sebagaimana yang berkuat kuasa, kecuali setakat mana yang dinyatakan dan naskhah itu, pada tarikh yang dinyatakan sedemikian.

(2) Dalam menyediakan sesuatu cetakan semula Pesuruhjaya adalah mempunyai kuasa-kuasa yang terkandung dalam perenggan 5(1)(vii), (x), (xv), (xvi), (xvii), (xviii), (xix), (xx), (xxa) dan (xxb).

Penerbitan jilid demi jilid

12. (1) Pesuruhjaya boleh, jika difikirkan suai manfaat membenarkan cetakan semula disediakan dan diterbitkan jilid demi jilid, mengikut apa-apa susunan dan pada bila-bila masa yang difikirkannya suai manfaat.

(2) Mana-mana jilid sesuatu cetakan semula boleh mengandungi apa-apa susunan, lampiran dan perkara tambahan yang lain, termasuk indeks, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pesuruhjaya.

Pengemaskinian cetakan semula

13. Pesuruhjaya boleh, jika difikirnya suai manfaat, membenarkan penyediaan dan penerbitan laporan pengemaskinian yang mengandungi pindaan terkini kepada sesuatu cetakan semula, mengikut apa-apa susunan dan pada bila-bila masa yang difikirkan suai manfaat.

Pembetulan pada kesilapan bentuk

14. (1) Pesuruhjaya boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membetulkan sesuatu kesilapan mengenai tulisan, percetakan atau lain-lain kesilapan dalam mana-mana undang-undang:

Dengan syarat bahawa pembetulan itu hendaklah tidak berlawanan dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada Pesuruhjaya oleh seksyen 5, 10 dan 11.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai kuat kuasa undang-undang mulai dari tarikh yang dirujuk dalam perenggan 6(i)(d) dan subseksyen 11(1) mengikut mana-mana yang berkenaan.

Rujukan mengenai nombor barisan dalam sesuatu undang-undang

15. Rujukan dalam mana-mana undang-undang mengenai nombor barisan sesuatu peruntukan dalam mana-mana undang-undang adalah bererti barisan dalam cetakan naskhah rasmi yang terakhir bagi undang-undang itu pada masa undang-undang yang mengandungi rujukan itu diperbuat.

Pewakilan kuasa

16. Pesuruhjaya boleh mewakilkan mana-mana kuasanya di bawah seksyen 11, 14 dan 15.

Tempat Enakmen ini dalam siri Undang-Undang Negeri Perlis

17. Enakmen ini hendaklah menjadi Enakmen pertama dalam siri “Undang-Undang Negeri Perlis” dan hendaklah dinomborkan sebagai Enakmen 1.

Pemberhentian pemakaian seksyen 120 Akta Tafsiran 1948 dan 1967

18. Seksyen 120 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] hendaklah terhenti terpakai selepas mula berkuat kuasanya Enakmen ini.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 30 November 2004.
[SUK.(Ps.) 05/298]

AHMAD BIN ZAKARIA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 1

**REVISION OF LAWS (STATE OF PERLIS)
ENACTMENT 2006**

Date of Royal Assent	...	...	...	2 February 2006
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	...	16 February 2006

LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 1

REVISION OF LAWS (STATE OF PERLIS) ENACTMENT 2006

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Short title and commencement
2. Interpretation
3. Appointment of Commissioner
4. Printing of revised laws
5. Powers of the Commissioner
6. Method of compiling a revised law
7. Publication of revised law
8. Completion of revision of pre-2004 laws to be notified in *Gazette*
9. Saving of existing subsidiary legislation
10. Revision of subsidiary legislation
11. Reprint of laws
12. Publication volume by volume
13. Updating of reprints
14. Rectification of formal errors
15. Reference to number of line in any law
16. Delegation of powers
17. Place of this Enactment in the Laws of the State of Perlis Series
18. Ceasation of application of section 120 of Interpretation Acts 1948 and 1967

LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 1

REVISION OF LAWS (STATE OF PERLIS) ENACTMENT 2006

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SYED FAIZUDDIN
PUTRA JAMALULLAIL
Regent of Perlis

2 February 2006
3 Muharam 1427

An Enactment to provide for the revision and reprinting of laws and subsidiary legislation.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title and commencement

1. This Enactment may be cited as the Revision of Laws (State of Perlis) Enactment 2006 and shall come into force on such date as may be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“Enactment” means a law as hereinafter defined or any part of such law;

“Commissioner” means the Commissioner of Law Revision appointed under section 3;

“law” means any written law relating to a matter with respect to which the State Legislature of Perlis has power to make law, but except in sections 11, 12 and 13 does not include this Enactment or any subsidiary legislation;

“reprint” means the reprint edition of any law or any volume of such law, prepared and published pursuant to section 3;

“revised law” means the revised edition of any law prepared and published pursuant to section 3.

Appointment of Commissioner

3. The State Authority shall by notification in the *Gazette* appoint the State Legal Adviser as Commissioner of Law Revision to prepare and publish revised laws and reprints as the Commissioner deems it expedient.

Printing of revised laws

4. A revised law shall be printed by the Government Printer or by such other printer as the Commissioner may in any particular case appoint for the purpose.

Powers of the Commissioner

5. (1) The Commissioner shall have the following powers:

(i) to omit from any revised law—

(a) any repealing enactment, any repealing provision contained in any enactment and any table or list of repealed enactments, whether contained in a schedule or otherwise;

(b) any preamble or part of a preamble to a law;

(c) any introductory words of enactment in any law or provision thereof;

(d) any provision prescribing the date when a law or part of it is to come into force or operation:

Provided that the date on which the law or part thereof come into force or operation is inserted by the Commissioner in square brackets immediately following the long title of the revised law;

- (e) any amending enactment where the amendments affected thereby are embodied by the Commissioner in the law to which they relate or have been so embodied in any reprint printed in pursuance of any written law;
- (f) any enacting clause;
- (g) any part of a law which can more conveniently be included as subsidiary legislation;
- (h) any interpretation of any expression which is defined identical or similar terms to those used in the definition of that term contained in the law applicable for the interpretation of the law after it has been revised;
- (i) any provision referring to any matter for which provision is made in identical or similar terms in the law applicable for the interpretation of the law after it has been revised:

Provided that the provisions relating to the construction of amending laws contained in the law applicable for the interpretation of laws shall apply to such omissions in the same way as if the provision omitted has been repealed; and

- (j) in the case of a law which refers to matters partly in the State List and—
 - (A) partly in the Concurrent or Federal List;
 - or

- (B) partly in the Concurrent List and partly in the Federal List,

all provisions other than those which refer to matters in the State List:

Provided that the powers contained in this paragraph shall not be exercised except after consultation with the Attorney General;

- (k) any provision or part thereof which has ceased to have effect;
- (ii) to arrange the sequence of revised laws and to give chapter, serial or other numbers thereto;
- (iii) to make such formal alterations to any law as are necessary or expedient for the purpose of securing uniformity of expressions; or to bring the law, into conformity with the provisions of the law applicable for the interpretation of the law after it has been revised;
- (iv) to adopt a convenient standard form in all revised laws for—
 - (a) the interpretation section;
 - (b) any penal section;
 - (c) any section giving power to make subsidiary legislation;
- (v) to alter the word “Proclamation” or “Ordinance” or any word in any law to “Enactment”;
- (vi) to add a long title or a short title to any law which may require it, and to alter the long title or short title of any law;
- (vii) to supply or alter tables of contents, chronological tables, references and notes:

Provided that such tables of contents, chronological tables, references and notes shall not form any part of the law in which they appear;

- (viii) to consolidate into one law any two or more laws or part thereof *in pari materia* relating to matters with respect to which the State Legislature has power to make laws, making such alterations and modifications as are thereby rendered necessary in the consolidated Enactment, and appointing such date for the coming into force thereof as may seem most convenient;
- (ix) to divide any law into two or more laws and to make such amendments, including the supplying titles, or the alteration of existing titles, as are thereby rendered necessary;
- (x) to add to or omit from any law any provision required to be added or omitted, or to substitute for any provision of any law any provision required to be substituted, in consequence of any amendment made to that law by any other law or by any authority under power conferred by law;
- (xi) to transfer any provision contained in a law from that law to any other law to which that provision more properly belongs, making any alterations thereby rendered necessary;
- (xii) to alter the order of the provisions in any law, and to re-number the provisions of any law;
- (xiii) to alter the form or arrangement of any provision of any law by transposing words, by combining it in whole or in part with another provision or other provisions or by dividing it into two or more provision;
- (xiv) to divide any law, whether consolidated or not, into parts or other divisions;

- (xv) to correct grammatical, typographical and similar mistakes and for that purpose to make verbal additions, omissions, or alterations not affecting the meaning of any law;
- (xvi) to alter, insert or omit punctuation marks in any law;
- (xvii) to make such formal alterations as to names, localities, departments, offices, titles and otherwise as may be necessary to bring any law into conformity with the circumstances of the Federation or the State of Perlis on the date on which the law in its revised form is to come into force;
- (xviii) to make such adaptations or amendments in any law as may appear to be necessary or proper as a consequence of any change in the Constitution of the Federation or the State of Perlis or any part thereof or any part of the Commonwealth;
- (xix) to correct cross-references including references to the laws of other territories;
- (xx) to correct references to repealed laws by substituting for such references to any laws by which the repealed laws have been replaced; for which purpose it is declared that a law is deemed to be replaced by another law where it is expressly stated in the subsequent law that it replaces the repealed law, or where the subsequent law re-enacts with or without modification any provisions of a repealed law;
- (xxa) to update the terminology and spelling in the national language text of any law so that they are consistent with terminology and spelling approved by the Dewan Bahasa dan Pustaka;
- (xxb) to delete any word, expression, nomenclature or other provision in any law which has become obsolete or has ceased to have effect,

including references to repealed laws, and to substitute therefore, where necessary, the appropriate word, expression, nomenclature or provision or references to the appropriate laws;

- (xxi) to shorten or simplify the phraseology of any law;
- (xxii) to repeal or amend any enactment in consequence of the preparation of a revised law;
- (xxiii) to appoint the date on which a revised law shall come into force:

Provided that such date shall not be earlier than the date on which the revised law is published in the *Gazette*;

- (xxiv) to do all other things relating to form and method which may be necessary for the perfecting of a revised law;

(2) In subsection (1) “amendment” includes, where it is used in relation to the powers conferred upon the Commissioner, any variation of any law which is necessary for giving effect to any enactment in any other law whereby the scope, effect or construction of any provision of the first mentioned law is varied, modified, enlarged, restricted, qualified or otherwise affected.

(3) The powers conferred on the Commissioner by subsection (1) shall not be taken to imply any power in him to make any alteration or amendment in the substance of any law.

Method of compiling a revised law

6. A revised law shall be made up in such form as the Commissioner deems expedient and shall contain—

- (i) on the front page thereof—

- (a) the expression “Laws of the State of Perlis”;

- (b) the short title and number of the revised law;
 - (c) the date up to which it has been revised; and
 - (d) the date appointed under paragraph 5(1)(xxiii) on which the revised law is to come into force;
- (ii) a list of the laws by which the law has been amended up to the date of its revision showing the dates on which the amendments came into force; and
- (iii) a list of the laws or parts thereof which the revised law supersedes or repeals.

Publication of revised law

7. (1) A revised law shall be published in the *Gazette* and shall come into force as from the date referred to in paragraph 6(i)(d).

(2) On and after the date from which a revised law comes into force, such revised law shall be deemed to be and shall be without any question whatsoever in all courts and for all purposes whatsoever the sole and only proper law in respect of matters included in it and in force on the date.

Completion of revision of pre-2004 laws to be notified in *Gazette*

8. As soon as may be, the Commissioner shall, by notification in *Gazette* (to be published in Part I of the *Gazette*), certify that the revision of all laws enacted before the first January 2004 (except for such laws as may be specified in the notification), which have not been repealed at the date of the notification, has been completed, and thereupon any such law which has not been revised under this Enactment and which has not been specified in the notification shall be deemed to have been repealed as from the date of publication of the notification.

Saving of existing subsidiary legislation

9. Subsidiary legislation made under any law and in force on the date on which that law as revised comes into force shall continue in force until otherwise provided; and references in any such subsidiary legislation to

the law under which it was made, or to any part thereof, or to any other revised law shall be construed as references to the revised law or to that other law as revised.

Revision of subsidiary legislation

10. (1) There shall be prepared, as soon as may be convenient, as supplementary to each revised law a revised edition of such subsidiary legislation under such revised law as appears to the Commissioner to be of sufficient importance to be included in it.

(2) The provisions of this Enactment relating to the preparation and publication of a revised law, shall apply with any necessary modifications to the preparation and publication of revised subsidiary legislation.

Reprint of laws

11. (1) The Government Printer or such other Printer as the Commissioner may in any particular case appoint for the purpose may, with the authority of the Commissioner, make a reprint of any law, whether revised or not, containing—

- (a) amendments effected by any law; and
- (b) amendments made by the Commissioner under the powers conferred upon him by subsection (2),

and any copy of a reprint purporting to be printed in accordance with this section shall be deemed, until the contrary is shown, to be the authentic text of the law as in force, except in so far as may be specified in the copy, on such date as may be so specified.

(2) In preparing a reprint the Commissioner shall have the powers contained in paragraphs 5(1)(vii), (x), (xv), (xvi), (xvii), (xix), (xx), (xxa) and (xxb).

Publication volume by volume

12. (1) The Commissioner may, if he considers it expedient, authorize a reprint to be prepared and published volume by volume, in any sequence and at such times as he deems expedient.

(2) Any volume of a reprint may contain such tables, appendices and other supplementary matter, including an index, as the Commissioner may consider necessary.

Updating of reprints

13. The Commissioner may, if he considers it expedient, authorize the preparation and publication of updates incorporating the latest amendments to a reprint, in any sequence and at such times as he deems expedient.

Rectification of formal errors

14. (1) The Commissioner may by order published in the *Gazette*, rectify any clerical, printing or other error in any law:

Provided that no such rectification shall be inconsistent with the powers conferred upon the Commissioner by sections 5, 10 and 11.

(2) And order made under subsection (1) shall have the force of law with effect from the date referred to in paragraph 6(i)(d) or subsection 11(1) as the case maybe.

Reference to number of line in any law

15. A reference in any law to the number of a line of any provision of any law shall mean that line in the latest official printed copy of that law at the time of the Enactment of the law containing the reference.

Delegation of powers

16. The Commissioner may delegate any of his powers under sections 11, 14 and 15.

Place of this Enactment in the Laws of the State of Perlis Series

17. This Enactment shall form the first Enactment of the “Laws of the State of Perlis” Series and shall be numbered as Enactment 1.

Ceasation of application of section 120 of Interpretation Acts 1948 and 1967

18. Section 120 of the Interpretation Acts 1948 and 1967 [Act 388] shall cease to have any application after the coming force of this Enactment.

Passed in the State Legislative Assembly this 30 November 2004.
[SUK.(Ps.) 05/298]

AHMAD BIN ZAKARIA
Secretary of the State Legislative Assembly
Perlis



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 2

**ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS
NEGERI PERLIS 2006**

Tarikh Persetujuan DiRaja	...	...	...	2 Februari 2006
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	...	...	...	16 Februari 2006

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 2

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS NEGERI PERLIS 2006

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

3. Pelantikan pegawai diberikuasa
4. Pegawai diberikuasa boleh memohon bantuan awam

BAHAGIAN III

PELESENAN

5. Keperluan untuk lesen
6. Permohonan lesen
7. Pegawai pelesen boleh menolak lesen
8. Perlindungan unggas tanpa lesen suatu kesalahan
9. Tempoh sah laku lesen
10. Pemegang lesen hendaklah mematuhi terma dan syarat lesen
11. Mempamer dan mengemukakan lesen
12. Menggantung dan membatalkan lesen
13. Membaharui lesen
14. Lesen tidak boleh dipindahmilik, diserahkan hak dan lain-lain

BAHAGIAN IV

KESALAHAN-KESALAHAN

15. Kesalahan melepaskan sisa unggas atau kumbahan sisa unggas ke dalam sungai, anak sungai dan lain-lain
16. Kesalahan melepaskan bau busuk atau tidak enak atau debu atau habuk dari ladang

Seksyen

17. Kesalahan membenarkan kawasan pembiakan lalat, serangga dan makhluk perosak
18. Kesalahan menggunakan ubat-ubatan yang dilarang atau menggunakan ubat tidak mengikut peraturan
19. Pengakuan dan maklumat palsu
20. Halangan menguatkuasaan undang-undang adalah satu kesalahan

BAHAGIAN V
PENGUATKUASAAN

21. Pegawai pelesen atau pegawai diberikuasa boleh memasuki ladang unggas dan melakukan siasatan
22. Kuasa menyiasat dan tangkap tanpa waran
23. Sanksi pendakwaan
24. Pegawai pelesen atau pegawai diberikuasa boleh menyita dan merampas hal perkara kesalahan

BAHAGIAN VI
PELBAGAI

25. Mahkamah boleh perintah lucuthak
26. Penalti bagi kesalahan yang tidak diperuntukkan selainnya
27. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
28. Ladang unggas yang dikecualikan
29. Pengarah boleh mengkompaun kesalahan
30. Pematuhan kepada undang-undang bertulis lain
31. Perlindungan pegawai awam dan Pihak Berkuasa Negeri
32. Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah
33. Mens rea tidak diperlukan bagi kesalahan
34. Peruntukan peralihan
35. Penyerahan notis, dokumen atau perintah dan lain-lain
36. Pindaan kepada Jadual

BAHAGIAN VII
RAYUAN

37. Rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri
38. Pihak Berkuasa Negeri dan pegawai pelesen boleh menetapkan syarat

JADUAL-JADUAL

- JADUAL PERTAMA: Permohonan lesen perladangan unggas dan aktiviti-aktiviti berkaitan
- JADUAL KEDUA: Lesen untuk perladangan unggas dan aktiviti berkaitan
- JADUAL KETIGA: Perihal lesen
- JADUAL KEEMPAT: Tawaran kompaun kesalahan
- JADUAL KELIMA: Penerimaan tawaran kompaun

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 2

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS NEGERI PERLIS 2006

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED FAIZUDDIN
PUTRA JAMALULLAIL
Pemangku Raja Perlis

3 Muharam 1427
2 Februari 2006

Suatu Enakmen bertujuan untuk melesen ladang unggas dan mengawalselia perladangan unggas dan aktiviti-aktiviti berhubungan dengan perladangan unggas di Negeri Perlis dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan.

[]

BAHAWA DENGAN INI ADALAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa

1. Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Perlindungan Unggas Negeri Perlis 2006 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui Pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti-aktiviti berkaitan penternakan unggas” ertinya memproses unggas dan sisanya atau aktiviti-aktiviti lain yang ditentukan oleh Pengarah melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Enakmen ini atau kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

“fi yang ditetapkan” ertinya fi yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga Enakmen ini atau ditetapkan oleh mana-mana perintah, kaedah atau peraturan yang dibuat di bawahnya;

“haceri (tempat penetasan)” ertinya mana-mana premis yang digunakan untuk tujuan pengeraman dan tetasan telur-telur bernas bagi menghasilkan anak unggas sehari;

“kaedah-kaedah” ertinya kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 32 Enakmen ini;

“karkas unggas” termasuk unggas yang mati disembelih dan bangkai atau mana-mana bahagiannya;

“kumbahan sisa unggas” ertinya mana-mana kumbahan yang keluar dari ladang unggas;

“ladang unggas” ertinya tempat-tempat di mana perladangan unggas dijalankan termasuk tempat yang digunakan untuk menyimpan unggas;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini;

“loji” ertinya tempat-tempat di mana aktiviti memproses unggas dijalankan;

“memproses unggas” termasuk—

(a) menyembelih, membuang bulu, membuang tulang atau membuang isi perut unggas;

- (b) memotong unggas yang telah disembelih kepada bahagian-bahagian;
- (c) melakukan mana-mana perbuatan ke arah penyediaan bagi pengilangan dan mengeluarkan produk sampingan daging unggas untuk dijual;

“Negeri” ertinya Negeri Perlis;

“ofal” termasuk usus, perut, jantung, hati, paru-paru, limpa, ginjal, hempedal, darah atau mana-mana bahagian dalam unggas;

“pegawai diberikuasa” ertinya mana-mana pegawai awam yang diberikuasa secara bertulis oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri di bawah subseksyen 3(1);

“pegawai pelesen” ertinya mana-mana pegawai diberikuasa yang ditentukan oleh Pengarah secara bertulis sebagai pegawai pelesen di bawah Enakmen ini dan termasuk Pengarah;

“pelan susun atur” berhubungan dengan mana-mana ladang unggas, ertinya pelan susun atur yang dikemukakan kepada pegawai pelesen berserta dengan satu permohonan untuk lesen;

“pembiakan” termasuk—

- (a) penyimpanan unggas pembiak;
- (b) penternakan unggas pembiak;
- (c) pengeluaran telur tetasan; dan
- (d) pengeluaran anak unggas sehari;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan dan termasuk mana-mana orang yang menjaga atau menjalankan kawalan sesuatu ladang unggas atau aktiviti-aktiviti berkaitan penternakan unggas;

“Pengarah” ertinya Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Perlis;

“perladangan unggas” termasuk melakukan mana-mana satu atau lebih aktiviti-aktiviti berikut:

- (a) menternak unggas pedaging;
- (b) menternak unggas penelur;
- (c) menternak dan membiak unggas baka;
- (d) mengendalikan hacheri (tempat penetasan); dan
- (e) mengusahakan aktiviti-aktiviti berkaitan penternakan unggas;

“produk sampingan daging unggas” ertinya termasuk naget, bebola daging dan hasilan lain yang serupa tetapi tidak termasuk ofal dan sisa unggas;

“rumah kediaman” ertinya satu kelompok rumah tidak kurang daripada lima rumah yang berpenghuni tidak termasuk rumah setinggan dan rumah yang disediakan dalam ladang unggas.

“sisa unggas” termasuklah—

- (a) tinja, ekskreta dan bulu;
- (b) sisa makanan, kulit telur dan telur tembelang;
- (c) habuk papan, reja papan dan lain-lain bahan yang digunakan sebagai alas atas lantai bangsal unggas; dan
- (d) bahagian unggas yang lazimnya tidak dimakan oleh manusia;

“ubat” ertinya apa-apa bahan atau campuran yang digunakan secara dalaman atau luaran bagi maksud rawatan, profilaktik, penggalak pertumbuhan, pengubahsuaian fungsi fisiologi atau tingkah laku unggas;

“unggas” ertinya termasuklah ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, merpati, burung unta dan burung emu daripada apa-apa jantina, umur, baka, generasi termasuk juga telur atau kacukannya dan burung-burung lain yang boleh ditentukan oleh Pengarah melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

“unggas pembiak” ertinya mana-mana unggas jantan dan betina daripada berbagai umur dan generasi yang digunakan untuk mengeluarkan telur bernaas dan anak unggas sehari.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Pelantikan pegawai diberikuasa

3. (1) Bagi maksud Enakmen ini, Pengarah boleh melantik secara bertulis mana-mana pegawai awam sebagai seorang pegawai diberikuasa.

(2) Seorang pegawai diberikuasa hendaklah menunjukkan jika diminta, kuasa bertulis yang dikeluarkan kepadanya oleh Pengarah.

Pegawai diberikuasa boleh memohon bantuan awam

4. Tiada seseorang boleh menolak untuk memberi bantuan atau kerjasama kepada pegawai diberikuasa, jika pegawai itu dengan cara yang munasabah telah memperkenalkan dirinya.

BAHAGIAN III

PELESENAN

Keperluan untuk lesen

5. (1) Tiada seseorang boleh mengusahakan ladang unggas melainkan satu lesen di bawah Enakmen ini telah dikeluarkan kepadanya.

(2) Walau apa-apa jua pun yang berlawanan dalam Enakmen ini, setiap ladang unggas hendaklah mempunyai lesen yang berasingan.

Permohonan lesen

6. (1) Permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat kepada pegawai pelesen dengan menggunakan Borang A sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dikemukakan berserta dengan—

- (a) satu pelan susun atur tapak dan lokasi mengenai ladang unggas yang dicadang untuk dilesenkan yang menunjukkan—
 - (i) sempadan ladang dan sempadan tanah di mana ladang itu akan didirikan;
 - (ii) dimensi dan reka bentuk bangunan ladang dan struktur ladang itu;
 - (iii) lokasi tempat yang menunjukkan jarak dengan garisan lurus mana-mana bangunan atau struktur rumah kediaman, sekolah, klinik atau tempat ibadat yang sedia ada semasa permohonan dibuat yang berada dalam lingkungan minimum dua ratus meter dari bangunan atau struktur yang menjalankan aktiviti perladangan unggas di ladang yang dicadangkan;
 - (iv) walau apa pun yang dinyatakan oleh perenggan (iii), ianya hendaklah tidak terpakai bagi maksud loji.

Dengan syarat bagi maksud perenggan (iii), “rumah kediaman” tidaklah termasuk rumah setingan, rumah pekerja atau apa-apa premis lain yang hendak dibina atau disediakan di atas ladang itu bagi tujuan tempat kediaman pekerja:

- (b) satu salinan sah milik tanah di mana ladang unggas didirikan atau dicadang akan didirikan;
- (c) jika tanah tersebut tidak dimiliki oleh pemohon, satu keizinan bertulis daripada tuan tanah berdaftar;
- (d) satu salinan sah pendaftaran perniagaan, jika permohonan adalah daripada sebuah pertubuhan perbadanan.

(3) Fi yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga hendaklah dibayar apabila permohonan lesen telah diluluskan.

Pegawai pelesen boleh menolak lesen

7. (1) Pegawai pelesen hendaklah enggan mengeluarkan lesen jika dia berpuashati—

- (a) bahawa ladang unggas itu mungkin boleh mendatangkan bahaya kesihatan kepada awam;
- (b) bahawa ladang unggas itu mungkin boleh memudaratkan harta benda orang awam;
- (c) bahawa ladang unggas itu mungkin boleh mendatangkan pencemaran alam sekitar, di kawasan di mana ladang dicadang didirikan;
- (d) permohonan tidak mematuhi seksyen 6.

Perladangan unggas tanpa lesen suatu kesalahan

8. Mana-mana orang yang mengusahakan ladang unggas tanpa suatu lesen yang sah adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit tetapi tidak kurang daripada lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Tempoh sah laku lesen

9. (1) Lesen, jika tidak dibatalkan terlebih awal, adalah sah untuk tempoh maksimum dua belas bulan dari tarikh ianya dikeluarkan melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam lesen tersebut.

(2) Lesen hendaklah dalam Borang B seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Pemegang lesen hendaklah mematuhi terma dan syarat lesen

10. (1) Seorang pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa terma dan syarat-syarat lesen itu sepanjang tempoh lesen itu berkuat kuasa.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar mana-mana terma dan syarat-syarat lesen adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali; dan dalam hal kesalahan berterusan, boleh dikenakan denda lima ratus ringgit setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Mempamer dan mengemukakan lesen

11. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen yang sah di satu tempat yang mudah dilihat dalam ladang unggas yang berhubungan dengannya lesen itu dikeluarkan.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengemukakan jika diminta oleh Pengarah, pegawai pelesen atau mana-mana pegawai diberikuasa, lesen yang sah yang dikeluarkan kepadanya untuk pemeriksaan.

(3) Mana-mana orang tanpa sebab-sebab yang munasabah gagal mempamerkan atau mengemukakan lesen yang sah seperti yang dikehendaki oleh seksyen ini adalah melakukan kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Menggantung dan membatalkan lesen

12. (1) Pengarah boleh menggantung suatu lesen—

- (a) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa unggas, karkas unggas, sisa unggas atau produk sampingan dari ladang unggas tersebut boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan awam;
- (b) mana-mana ladang yang digantung lesennya kerana kesalahan mengikut perenggan (a), Pengarah boleh mengeluarkan satu perintah;
 - (i) melarang unggas, karkas unggas, sisa unggas atau produk sampingan dari dipindah keluar ladang dan boleh ditahan sehingga satu penyiasatan atau apa-apa keputusan dibuat;
 - (ii) melupuskan unggas, karkas unggas, sisa unggas atau produk sampingan tersebut mengikut kaedah yang Pengarah berpuashati tidak menimbulkan mana-mana bahaya kesihatan kepada awam;
 - (iii) mana-mana orang yang didapati sabit kesalahan mengikut perenggan (a) atau enggan mematuhi perintah di bawah perenggan (b) boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Pengarah boleh membatalkan suatu lesen—

- (a) jika didapati, selepas permohonan itu, pemegang lesen telah memberi maklumat palsu atau membuat pengakuan palsu pada masa permohonan dibuat mengikut seksyen 6 atau seksyen 34;
- (b) jika pemegang lesen telah secara berterusan atau kerap kali melakukan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan atau kaedah yang dibuat di bawahnya atau melanggar syarat lesen; atau
- (c) jika pemegang lesen didapati bersalah melakukan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan atau kaedah yang dibuat di bawahnya.

Membaharui lesen

13. (1) Permohonan untuk memperbaharui lesen hendaklah dikemukakan kepada pegawai pelesen dalam tempoh tidak kurang dari tiga bulan sebelum tarikh luput lesen semasa dan peruntukan subseksyen 6(1) hendaklah terpakai kepada semua permohonan perbaharuan lesen seolah-olah ia adalah permohonan lesen baru di bawah Enakmen ini.

(2) Mana-mana permohonan untuk memperbaharui lesen yang dikemukakan kurang dari tiga bulan tetapi sebelum tamat tarikh luput lesen semasa tidak boleh dilayan oleh pegawai pelesen kecuali dengan dikenakan penalti tidak melebihi satu ratus ringgit.

(3) Pegawai pelesen tidak boleh memperbaharui lesen di bawah Enakmen ini dalam keadaan berikut—

- (a) dalam keadaan di mana seksyen 7 terpakai;
- (b) di mana pemegang lesen didapati kerap kali melakukan atau melanggar terma dan syarat-syarat lesen; dan
- (c) di mana pemegang lesen didapati bersalah dan disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

(4) Jika permohonan untuk memperbaharui lesen dibuat selepas tarikh luput lesen semasa, pegawai pelesen boleh menimbangkan permohonan tersebut tertakluk kepada pemohon membayar penalti satu ribu ringgit bagi permohonan lewat.

Lesen tidak boleh dipindahmilik, diserahkan hak, dan lain-lain

14. Sesuatu lesen tidak boleh dipindahmilik, diserahkan hak atau sebaliknya kecuali dengan kebenaran bertulis Pengarah telah didapati terlebih dahulu dan orang yang dipindahmilik atau diserahkan hak atau mana-mana orang lain yang mengambil alih lesen itu adalah tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang sama pada lesen itu dan peruntukan-peruntukan dalam Enakmen ini seolah-olah dia adalah pemegang lesen asal.

BAHAGIAN IV

KESALAHAN-KESALAHAN

Kesalahan melepaskan sisa unggas atau kumbahan sisa unggas ke dalam sungai, anak sungai dan lain-lain

15. (1) Adalah menjadi satu kesalahan bagi pemegang lesen sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja—

- (a) membuang mana-mana karkas unggas, ofal atau sisa unggas;
- (b) melepaskan kumbahan sisa unggas yang tidak dirawat; atau
- (c) melepaskan kumbahan sisa unggas yang dirawat tetapi tidak mematuhi standard yang dinyatakan di dalam kaedah-kaedah atau peraturan-peraturannya yang dibuat di bawah Enakmen ini,

ke dalam mana-mana sungai, anak sungai, parit, air darat, saluran pengairan atau mana-mana tempat yang bukan diwartakan sebagai tempat pembuangan sisa.

(2) Seseorang pemegang lesen adalah dianggap telah membuang karkas unggas, ofal, sisa unggas atau melepaskan kumbahan sisa unggas ke dalam sungai, parit, air darat, saluran pengairan atau mana-mana tempat yang bukan diwartakan sebagai tempat pembuangan sisa jika dia gagal mengambil sebarang langkah pencegahan atau usaha untuk mencegah pelepasan atau buangan itu.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan melepaskan bau busuk atau tidak enak atau debu atau habuk dari ladang

16. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah atau usaha tertentu bagi mencegah—

- (a) pelepasan atau pengeluaran bau-bauan atau gas tidak enak dan busuk dari ladang unggasnya; atau
- (b) pelepasan atau pengeluaran debu atau habuk dari ladang unggasnya,

yang mungkin menyebabkan kacau ganggu kepada orang awam atau menyebabkan kemudaratan kepada harta benda orang awam.

(2) Jika Pengarah menerima sebarang aduan dari mana-mana orang atau badan, bahawa sesuatu ladang unggas itu melepaskan atau mengeluarkan bau atau gas yang tidak enak, busuk atau debu dan habuk yang menyebabkan kacau ganggu kepada orang awam atau kemudaratan kepada harta benda orang awam, Pengarah hendaklah menyebabkan satu siasatan dibuat mengenai aduan tersebut.

(3) Sekiranya, setelah selesai penyiasatan dan Pengarah berpuashati bahawa aduan itu munasabah, Pengarah hendaklah menyebabkan satu notis tunjuk sebab dihantar kepada pemegang lesen yang berkenaan bagi menunjukkan sebab-sebab kenapa lesennya tidak boleh ditarik balik dan ladang unggasnya tidak boleh ditutup.

(4) Jika pemegang lesen gagal menjawab notis tunjuk sebab dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis tersebut, Pengarah boleh menarik balik lesen itu.

(5) Sekiranya pemegang lesen menjawab notis tunjuk sebab, Pengarah hendaklah menimbangkan jawapan itu dan mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) jika Pengarah berpuashati bahawa keadaan tersebut boleh diperbaiki, dia hendaklah menghantar notis kepada pemegang lesen memintanya mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan dalam tempoh seperti yang dinyatakan oleh Pengarah di dalam notis itu dan Pengarah boleh juga menyatakan jika perlu langkah-langkah yang perlu diambil; atau
- (b) jika Pengarah berpuashati bahawa keadaan tidak dapat diperbaiki, Pengarah hendaklah mengarahkan ladang unggas itu ditutup.

(6) Jika Pengarah bertindak di bawah perenggan 5(a) dan pemegang lesen gagal mengambil langkah-langkah pembaikan sebagaimana diarahkan, Pengarah boleh membatalkan lesen tanpa apa-apa notis lanjut kepada pemegang lesen.

(7) Jika Pengarah bertindak di bawah perenggan 5(b), dia hendaklah menyerahkan atau menyebabkan diserahkan arahan pembatalan tersebut kepada pemegang lesen dan arahan pembatalan itu hendaklah menyatakan tempoh dalam mana ladang unggas itu hendaklah ditutup; dengan syarat tempoh tersebut hendaklah tidak kurang daripada enam bulan dari tarikh penyerahan perintah kepada pemegang lesen.

(8) Mana-mana orang yang gagal mematuhi mana-mana perintah di bawah subseksyen (7) adalah melakukan satu kesalahan di bawah Enakmen ini.

Kesalahan membenarkan kawasan pembiakan lalat, serangga dan makhluk perosak

17. (1) Seorang pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyelenggara kebersihan ladang unggasnya pada setiap masa dan hendaklah mengambil langkah-langkah untuk mencegah mana-mana keadaan yang menggalakkan pembiakan lalat, serangga dan makhluk perosak yang boleh menjadi punca kemudaratan kesihatan atau kacau ganggu awam.

(2) Adalah menjadi satu kesalahan bagi pemegang lesen sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja, atau membenarkan atau menyebabkan dibenarkan ladang unggasnya berada dalam keadaan tersebut yang melanggar subseksyen (1).

(3) Jika Pengarah menerima sebarang aduan dari mana-mana orang atau badan bahawa ladang unggas itu menjadi tempat menggalak pembiakan lalat, serangga dan makhluk perosak yang boleh menjadi punca kemudaratan kesihatan atau kacau ganggu awam, Pengarah boleh menyebabkan satu siasatan dibuat mengenai aduan tersebut.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1), apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan menggunakan ubat-ubatan yang dilarang atau menggunakan ubat tidak mengikut peraturan

18. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah atau usaha tertentu bagi mencegah ladang unggasnya—

(a) mengguna ubat dilarang oleh Kerajaan;

(b) mengguna ubat dengan cara yang mungkin boleh mendatangkan bahaya kesihatan kepada awam,

sepertimana dinyatakan di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366] dan Akta Makanan 1983 [Akta 281] atau kaedah atau peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Adalah menjadi satu kesalahan bagi pemegang lesen sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja atau membenarkan atau menyebabkan dibenarkan ladang unggasnya berada dalam keadaan yang melanggar subseksyen (1).

(3) Mana-mana pemegang lesen yang ladang unggasnya setelah pemeriksaan penyiasatan, secara munasabah didapati melanggar subseksyen (1), boleh dikenakan tindakan mengikut subseksyen 12(1).

Pengakuan dan maklumat palsu

19. Adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang—

(a) memberi maklumat—

(i) palsu; atau

(ii) yang dipercayai adalah palsu atau tidak benar; atau

(b) memberi mana-mana pengakuan palsu bagi maksud mana-mana permohonan, atau semasa menjawab mana-mana pertanyaan dari pengarah, pegawai pelesen atau pegawai diberikuasa untuk apa-apa maklumat di bawah Enakmen ini.

Halangan menguatkuasaan undang-undang adalah satu kesalahan

20. Adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang—

(a) tanpa alasan yang sah menyekat atau menghalang atau membantu dalam menyekat mana-mana pegawai pelesen, pegawai diberikuasa atau pegawai polis yang menjalankan mana-mana kuasa atau tugasnya di bawah Enakmen ini.

(b) menghalang orang lain daripada memberi bantuan atau kerjasama kepada mana-mana pegawai pelesen, pegawai diberikuasa atau pegawai polis dalam perjalanan tugasnya di bawah Enakmen ini.

BAHAGIAN V**PENGUATKUASAAN****Pegawai pelesen atau pegawai diberikuasa boleh memasuki ladang unggas dan melakukan siasatan**

21. (1) Bagi maksud Enakmen ini, pegawai pelesen atau pegawai diberikuasa boleh pada bila-bila masa memasuki dan melakukan pemeriksaan terhadap mana-mana ladang unggas yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk dipercayai bahawa satu kesalahan telah dilakukan di bawah Enakmen ini dan menjalankan perkara-perkara berikut—

- (a) mengambil apa-apa sampel dan gambar yang difikirkan perlu;
 - (b) memeriksa mana-mana ubatan, rekod dan dokumen yang terdapat dalam ladang unggas atau mana-mana premis dalamnya dan membuat salinan buku, rekod atau dokumen yang diperiksa dalam pemeriksaan itu; dan
 - (c) merekod sebarang maklumat mengenai penyiasatan dan pemeriksaan untuk membuktikan bahawa satu kesalahan telah dilakukan di bawah Enakmen ini.
- (2) Dalam menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen (1), pegawai pelesen atau pegawai diberikuasa boleh memasuki mana-mana premis yang terdapat dalam ladang unggas itu dengan atau tanpa kebenaran tuan punya.

Kuasa menyiasat dan tangkap tanpa waran

22. (1) Seseorang pegawai pelesen atau pegawai diberikuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah dan peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Seseorang pegawai pelesen atau pegawai diberikuasa boleh berhubung dengan penyiasatan berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah dan peraturan yang dibuat di bawahnya, menjalankan kuasa-kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah bagi kesalahan boleh ditangkap tidak boleh dijalankan olehnya.

Sanksi pendakwaan

23. Tiada apa-apa pendakwaan boleh dimulakan bagi apa-apa kesalahan di bawah seksyen 19 dan 20 melainkan dengan terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pendakwa Raya.

Pegawai pelesen atau pegawai diberikuasa boleh menyita dan merampas hal perkara kesalahan

24. (1) Pegawai pelesen atau pegawai diberikuasa boleh memasuki mana-mana ladang unggas jika dia mendapati—

- (a) bahawa ladang unggas itu tidak mempunyai lesen; atau
- (b) bahawa mana-mana orang, berhubungan dengan ladang unggas itu, telah dikeluarkan arahan di bawah subseksyen 16(7) dan 34(7), dan orang itu gagal mematuhi arahan tersebut,
 - (i) boleh menyita dan merampas semua unggas, karkas unggas, sisa unggas dan produk sampingan daging unggas dan;
 - (ii) boleh meroboh dan mengalih semua atau mana-mana struktur dan bangunan ladang berkaitan yang didapati di atasnya.

(2) Semua unggas, karkas unggas, sisa unggas dan produk sampingan daging unggas yang disita menurut subseksyen (1) hendaklah dilupuskan dengan lelongan awam dan lain-lain kaedah yang difikirkan sesuai oleh pegawai pelesen atau pegawai diberikuasa dan hasil dari lupusan tersebut digunakan untuk menanggung perbelanjaan yang dilakukan dalam perampasan dan meroboh dan mengalih struktur-struktur dan bangunan di ladang unggas itu dan apa-apa lebihannya hendaklah dikembalikan kepada tuan punya; dan jika tuan punya tidak dapat ditentukan perkara tersebut hendaklah dirujuk kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi melupuskan lebihan itu; dan mahkamah boleh, jika ia berpuashati bahawa tuan punya itu tidak dapat ditentukan, memberi perintah supaya lebihan itu dikreditkan ke dalam hasil kerajaan.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Mahkamah boleh perintah lucuthak

25. Mahkamah yang mensabitkan mana-mana orang dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, boleh sebagai tambahan kepada perintah yang dibuat, memerintahkan supaya dilucuthakkan mana-mana unggas atau hasilan berhubungan dengan kesalahan yang dilakukan.

Penalti bagi kesalahan yang tidak diperuntukkan selainnya

26. Mana-mana orang, selain daripada suatu badan korporat, termasuk mana-mana pengarah atau pegawai pertubuhan perbadanan yang melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini yang mengenainya tiada penalti diperuntukkan hendaklah, apabila disabitkan kesalahan dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya denda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

27. (1) Jika seseorang yang melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini ialah suatu pertubuhan perbadanan, ia hendaklah apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya, denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(2) Jika kesalahan yang dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan dibuktikan telah dilakukan dengan keizinan atau pembiaran atau boleh dikaitkan dengan apa-apa kelalaian atau sebaliknya atas pihak mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau lain-lain pegawai yang serupa atau mana-mana orang yang bertindak atas sifat-sifat demikian, mengikut yang mana berkenaan, pengarah, pengurus, setiausaha, pegawai atau orang itu adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah seksyen 26.

(3) Jika seseorang ejen atau pengkhidmat sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan satu kesalahan atau melakukan sesuatu atau meninggalkan daripada melakukan yang mana jika dilakukan atau ditinggal daripada melakukan oleh pertubuhan perbadanan itu menjadikan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, pertubuhan perbadanan itu hendaklah, walau apa pun yang ia tidak mengetahui mengenai kesalahan itu, disifatkan melakukan kesalahan itu dan apabila disabitkan, boleh dikenakan hukuman bagi kesalahan yang ditetapkan itu melainkan ia membuktikan bahawa—

(a) perbuatan atau peninggalan yang diadukan bukanlah dalam bidang biasa pekerjaan pengkhidmat itu atau ejen itu; atau

- (b) perbuatan atau peninggalan yang diadukan itu telah dibuat atau dilakukan tanpa kerelaan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil semua pengawasan yang munasabah untuk mencegah perbuatan atau peninggalan itu sebagaimana ia sepatutnya ambil setelah mengambil kira segala hal keadaan kes itu.

Ladang unggas yang dikecualikan

28. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), peruntukan Enakmen ini tidak terpakai kepada mana-mana ladang unggas yang mana Pengarah telah menetapkan sebagai suatu ladang unggas yang dikecualikan.

(2) Pengarah tidak boleh menetapkan mana-mana ladang unggas sebagai dikecualikan di bawah Enakmen ini melainkan jika dia berpuashati bahawa pengecualian itu adalah perlu untuk melaksanakan suatu dasar ekonomi atau polisi sosial Kerajaan dalam usaha mengurangkan atau membasmi kemiskinan dalam mana-mana bahagian dalam Negeri.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Pengarah hendaklah boleh bagi maksud memastikan kesihatan awam, mencegah kemudaratan harta benda orang awam atau pencemaran alam sekitar, mengeluarkan arahan yang difikirkan perlu kepada pihak pengurusan atau pengendali ladang unggas yang dikecualikan menurut seksyen ini.

(4) Mana-mana orang yang gagal mematuhi arahan tersebut adalah melakukan satu kesalahan.

(5) Sijil yang dikeluarkan oleh Pengarah yang mengesahkan bahawa ladang unggas itu adalah suatu ladang yang dikecualikan adalah suatu bukti muktamad fakta itu.

Pengarah boleh mengkompaun kesalahan

29. (1) Kecuali bagi kesalahan, di bawah seksyen 19 dan 20, semua kesalahan lain di bawah Enakmen ini boleh dikompaun oleh Pengarah.

(2) Dalam mengkompaun mana-mana kesalahan, Pengarah boleh mengarahkan pegawai pelesen membuat tawaran dalam borang yang

ditetapkan dalam Jadual Keempat kepada pesalah untuk mengkompaun kesalahan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pengarah seperti berikut:

- (a) tempoh tawaran hendaklah tidak melebihi tiga puluh hari dari tarikh tawaran; dan
- (b) jumlah kompaun yang ditawarkan hendaklah tidak melebihi dua ribu ringgit tetapi tidak kurang daripada tiga ratus ringgit.

(3) Jika pesalah menerima tawaran mengkompaun dalam tempoh yang ditetapkan, Pengarah boleh mengkompaun kesalahan itu dan selepas itu hendaklah tiada pendakwaan selanjutnya terhadap kesalahan itu.

(4) Dalam mana-mana kes yang lain, Pengarah hendaklah meneruskan pendakwaan terhadap pesalah.

Pematuhan kepada undang-undang bertulis lain

30. Pengeluaran mana-mana lesen hendaklah tidak mengesahkan apa-apa perbuatan atau tindakan yang memerlukan permit, kebenaran atau kelulusan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain dan pemegang lesen tidaklah dikecualikan daripada mematuhi kehendak-kehendak undang-undang bertulis lain itu berkenaan dengan permit, kebenaran atau kelulusan tertentu itu.

Perlindungan pegawai awam dan Pihak Berkuasa Negeri

31. Tiada apa-apa tanggungan boleh dikenakan ke atas Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai awam bersabit dengan apa-apa perbelanjaan, kerosakan, siasatan yang berbangkit daripada perjalanan sah kuasa atau pelaksanaan tugas-tugas yang dikenakan dalam Enakmen ini; dan Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai tersebut hendaklah tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan, tuntutan atau liabiliti berikutan daripada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya atau tugas-tugas yang dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini.

Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah

32. Pihak Berkuasa Negeri boleh dengan Pemberitahuan dalam *Warta*, membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dan khususnya tetapi tanpa menjejaskan keluasan apa-apa yang telah disebutkan. Kaedah-kaedah ini boleh menetapkan—

- (a) pendaftaran ladang unggas;

- (b) prosedur, fi, borang dan caj bagi maksud Enakmen ini;
- (c) standard amalan perladangan dan pemprosesan;
- (d) prosedur bagi mengkompaun kesalahan-kesalahan; dan
- (e) mengenai perkara-perkara lain yang disifatkan perlu oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi maksud Enakmen ini.

Mens rea tidak diperlukan bagi kesalahan

33. Dalam mana-mana pendakwaan bagi ke atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, adalah tidak perlu untuk membuktikan bahawa perbuatan atau mengenepikan persoalan yang mempunyai niat pengetahuan atau kelalaian bagi pihak pesalah.

Peruntukan peralihan

34. (1) Mana-mana orang yang, pada masa Enakmen ini mula berkuat kuasa, mengusahakan suatu ladang unggas hendaklah, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh Enakmen ini mula berkuat kuasa, mengemukakan permohonan bagi mendapatkan lesen di bawah Enakmen ini.

(2) Seksyen 6 Enakmen ini adalah terpakai bagi mana-mana permohonan lesen di bawah seksyen ini.

(3) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang gagal mengemukakan suatu permohonan mendapatkan lesen dalam tempoh ditentukan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

(4) Tambahan kepada, tetapi tanpa menjejaskan seksyen 7, pegawai pelesen boleh menolak suatu permohonan mendapatkan lesen yang dibuat menurut seksyen ini jika ia berpuashati—

- (a) bahawa ladang unggas itu berkemungkinan menyebabkan gangguan melalui penyebaran bau yang tidak enak, pelepasan debu dan habuk, pembiakan lalat, serangga dan makhluk perosak, atau apa-apa faktor lain yang mungkin menjejaskan kesihatan awam dan memudaratkan mana-mana penduduk tempatan dan harta benda awam dalam lingkungan kawasan minimum dua ratus meter garis lurus daripada mana-mana bangunan atau struktur ladang itu di mana perladangan unggas dijalankan;

(b) walau apa pun yang dinyatakan oleh perenggan (a), ianya hendaklah tidak terpakai bagi maksud loji penyembelihan dan loji pemprosesan; atau

(c) bahawa kawasan itu telah ditetapkan untuk pembangunan.

(5) Jika pegawai pelesen enggan meluluskan mana-mana permohonan di bawah subseksyen (4), dia hendaklah menghantar satu notis kepada pemohon, memberitahu pemohon keengganan tersebut dan juga notis mengarahkan pemohon itu menutup ladang unggasnya dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan yang terdapat di ladang unggas itu dalam masa enam bulan atau lain-lain tempoh sebagaimana dinyatakan dalam notis, bermula dari tarikh notis tersebut.

(6) Seseorang yang telah diserahkan notis di bawah subseksyen (5) hendaklah dengan segera memindahkan semua unggas dan sisa unggas yang didapati di ladang unggas itu.

(7) Jika pada akhir tempoh yang ditetapkan dalam notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (5), orang yang kepadanya notis itu dikeluarkan gagal mematuhi arahan yang dikeluarkan, pegawai pelesen boleh dengan atau tanpa bantuan polis, memasuki ladang unggas itu bagi melaksanakan penutupan ladang unggas tersebut dan boleh menyita dan merampas semua unggas, karkas dan sisa unggas yang didapati di atasnya dan mengambil tindakan seperti diperuntukkan di bawah seksyen 24.

Penyerahan notis, dokumen atau perintah dan lain-lain

35. (1) Setiap notis, perintah atau dokumen yang diperlukan atau diberikuasa oleh Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya untuk diserahkan kepada atau mana-mana orang boleh diserahkan—

(a) dengan menyampaikan perkara yang sama kepada orang yang berkenaan atau kepada ahli keluarga dewasa atau pengkhidmat keluarganya;

(b) dengan meninggalkan perkara yang sama pada tempat yang lazim atau tempat kediaman terakhir diketahui atau di alamat perniagaan seseorang itu; atau

(c) dengan memajukan perkara yang sama dengan cara pos berdaftar dalam sampul surat beralamat kepada seseorang, tempat yang lazim atau tempat kediaman terakhir diketahui atau di alamat perniagaan seseorang itu.

(2) Jika suatu notis, perintah atau dokumen dikehendaki disampaikan kepada mana-mana orang oleh Enakmen ini atau mana-mana kaedah dan peraturan yang dibuat di bawahnya, tidak dapat disampai dengan usaha yang munasabah, notis, perintah atau dokumen itu boleh diserahkan kepada orang itu dengan cara menampal notis, perintah atau dokumen itu di mana-mana tempat yang mudah dilihat di premis atau alamat terakhir orang itu dan penyerahan itu hendaklah disifatkan penyerahan yang sempurna bagi maksud Enakmen ini.

Pindaan kepada Jadual

36. Jadual kepada Enakmen ini boleh dipinda dari masa ke semasa oleh Pengarah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri melalui Pemberitahuan dalam *Warta*.

BAHAGIAN VII

RAYUAN

Rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri

37. (1) Mana-mana orang yang terkilan atau tidak berpuashati dengan keputusan pegawai pelesen tidak mengeluarkan lesen atau menolak sesuatu permohonan lesen di bawah seksyen 7, tidak membaharui lesen di bawah subseksyen 13(3) dan menolak permohonan mendapatkan lesen di bawah subseksyen 34(4); boleh mengemukakan rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan mengenai keputusan itu.

(2) Rayuan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat melalui Pengarah yang kemudiannya hendaklah mengemukakan rayuan itu bersama dengan satu laporan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Pihak Berkuasa Negeri dan pegawai pelesen boleh menetapkan syarat

38. (1) Jika Pihak Berkuasa Negeri membenarkan rayuan, pegawai pelesen hendaklah mengeluarkan lesen:

- (a) mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri, jika ada; dan
- (b) jika Pihak Berkuasa Negeri tidak menetapkan syarat, dengan mengenakan syarat yang difikirkan patut oleh pegawai pelesen bagi maksud-maksud Enakmen ini.

(2) Segala keputusan Pihak Berkuasa Negeri di atas rayuan sebagaimana dinyatakan di subseksyen 37(1) adalah muktamad.

JADUAL PERTAMA

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS

NEGERI PERLIS 2006

[Subseksyen 6(1) dan 6(2)]

PERMOHONAN LESEN PERLADANGAN UNGGAS DAN

AKTIVITI-AKTIVITI BERKAITAN

(Borang A)

1. Saya:
(Nama penuh ditulis dengan huruf besar)

Nama Syarikat:

No. K/P.: No. Pendaftaran Syarikat:

Alamat Surat-menyurat:
.....
.....

No. Tel.: No. Fax: E-mail:

Bentuk Perniagaan: Milik Tunggal ☐ Perkongsian ☐ Syarikat ☐

2. Butir-butir Penternakan:

Jenis Unggas:

Jurusan dan aktiviti: Pedaging ☐ Penelur ☐ Baka ☐
Haceri (Penetasan) ☐ Loji Penyembelihan ☐
Loji Pemprosesan ☐

3. Butir-butir Ladang/Loji:

Lokasi:

Daerah:

Luas Kawasan: (Hektar) Kapasiti Ladang:

No. Lot Tanah: Status Tanah:

4. Aktiviti berkaitan:

Jenis pengeluaran:

Keupayaan pengeluaran:

Alamat premis perniagaan:
.....

Tarikh:
Tandatangan Pemohon & Cop Syarikat

UNTUK KEGUNAAN RASMI PEJABAT

Tarikh permohonan diterima:

Keputusan permohonan: Dilulus ☐ Ditolak ☐

Catatan:

.....

.....

Tarikh:
.....

Pegawai Pelesen

Permohonan hendaklah dikemukakan berserta dengan butiran berikut:

- (a) satu cadangan pelan susun atur menunjukkan—
 - (i) sempadan ladang dan sempadan tanah di mana ladang akan didirikan;
 - (ii) keluasan/dimensi dan reka bentuk bangunan ladang dan struktur ladang;
 - (iii) lokasi tempat yang menunjukkan jarak dengan garisan lurus mana-mana bangunan atau struktur rumah kediaman, sekolah, klinik atau tempat ibadat yang sedia ada semasa permohonan dibuat yang berada dalam lingkungan minimum dua ratus meter dari bangunan atau struktur yang menjalankan aktiviti perladangan unggas di ladang yang dicadangkan;
- (b) satu salinan hakmilik yang disahkan di mana ladang unggas dicadang akan didirikan;
- (c) jika tanah tersebut tidak dimiliki oleh pemohon, satu keizinan bertulis daripada tuan tanah berdaftar;
- (d) satu salinan sah pendaftaran perniagaan, jika ada;
- (e) satu salinan fotokopi kad pengenalan pemilik ladang;
- (f) 2 keping gambar pemilik ladang ukuran pasport.

JADUAL KEDUA

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS


NEGERI PERLIS 2006

[Subseksyen 9(2)]

LESEN UNTUK PERLADANGAN UNGGAS DAN AKTIVITI BERKAITAN

(Borang B)

TARIKH LUPUT:



Kebenaran adalah diberi kepada:

Nama/Syarikat:
(Pemilik Lesen)

No. Kad Pengenalan/No. Pendaftaran:

Alamat Surat-menyurat:
.....

Alamat Ladang/Premis Perniagaan:
.....

No. Tel.: No. Fax: E-mail:

Untuk:
.....
.....

dengan bilangan ternakan/keupayaan pengeluaran
ekor hanya di premis atau kawasan ladang tersebut di atas sahaja.
Lesen ini tidak boleh dipindahmilik.

SYARAT-SYARAT KHAS

.....
.....
.....

Tarikh lesen dikeluarkan:

Bayaran Fi: RM No. Resit:

.....
Pegawai Pelesen

* Permohonan pembaharuan lesen hendaklah dibuat dalam tempoh tidak kurang dari 3 bulan sebelum tarikh luput lesen.

JADUAL KETIGA

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS
NEGERI PERLIS 2006

[Subseksyen 6(3)]

PERIHAL LESEN

Perkara	Kadar Bayaran (RM)
1. Lesen Menternak	
1.1 Menternak Ayam/Itik	
Kapasiti Ladang	
(a) 500 hingga 5,000 ekor	RM 50/tahun
(b) 5,001 hingga 10,000 ekor	RM100/tahun
(c) 10,001 hingga 15,000 ekor	RM200/tahun
(d) 15,001 hingga 20,000 ekor	RM300/tahun
(e) 20,001 hingga 25,000 ekor	RM400/tahun
(f) 25,001 ekor ke atas	RM500/tahun
1.2 Menternak Puyuh/Merpati	
Kapasiti Ladang	
(a) 1,000 hingga 10,000 ekor	RM 50/tahun
(b) 10,001 hingga 20,000 ekor	RM100/tahun
(c) 20,001 hingga 30,000 ekor	RM200/tahun
(d) 30,001 hingga 40,000 ekor	RM300/tahun
(e) 40,001 hingga 50,000 ekor	RM400/tahun
(f) 50,001 ekor ke atas	RM500/tahun
2. Lesen Haceri (Pusat Penetasan)	RM500/tahun
3. Lesen Loji Penyembelihan	RM500/tahun
4. Lesen Loji Pemprosesan	RM500/tahun

JADUAL KEEMPAT

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS
NEGERI PERLIS 2006

[Subseksyen 29(1)]

TAWARAN KOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

.....
.....
.....

Rujukan:

Adalah nyata bagi saya setelah membuat pemeriksaan dan didapati bahawa kamu telah melakukan kesalahan berikut:

Peruntukan perundangan berkaitan:

Tarikh: Masa: pagi/petang*

Tempat:

Butir-butir kesalahan:

.....
.....

1. Tuan/Puan adalah dimaklumkan bahawa kuasa yang diberikan kepada saya di bawah Enakmen Penternakan Unggas Negeri Perlis 2006, saya bersedia dan menawarkan, untuk kompaun kesalahan ini dengan jumlah sebanyak RM (Ringgit Malaysia)

Jika tawaran ini diterima, pembayaran boleh dibuat dengan wang tunai atau melalui kiriman wang, perintah kiriman pos, perintah kasyier, perintah bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada “Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Perlis.” dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”. Bayaran boleh diserahkan dengan sendiri di Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan Negeri Perlis atau mana-mana Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Negeri Perlis. Pembayaran yang dibuat melalui Pos hendaklah dialamatkan kepada “Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Perlis. Satu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran dibuat.

2. Tawaran ini habis tempoh pada

Jika pembayaran penuh jumlah yang dinyatakan di atas dibuat pada atau sebelum tamat tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah perbicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan. Jika tidak pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Tarikh:

.....

Pegawai Pelesen

JADUAL KELIMA

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS
NEGERI PERLIS 2006

[Subseksyen 29(1)]

PENERIMAAN TAWARAN KOMPAUN

Kepada:

Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Perlis

.....
.....

Saya merujuk kepada tawaran kompaun satu kesalahan nombor
rujukan:
bertarikh: Saya mengaku
bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran kompaun
tersebut dan bersama-sama ini dilampirkan wang tunai/kiriman wang/perintah kiriman
pos/perintah kasyier/perintah bank/draf bank No.: sebanyak
RM (Ringgit Malaysia:)
sebagai penyelesaian kompaun dengan penuh.

Tarikh:

Tandatangan:.....

Nama (Huruf Besar):

.....

Alamat:

.....

.....

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 4 Disember 2003.
[SUK.(Ps.) 05/295]

AHMAD BIN ZAKARIA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 2

**POULTRY FARMING ENACTMENT
STATE OF PERLIS 2006**

Date of Royal Assent 2 February 2006

Date of publication in the *Gazette* 16 February 2006

LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 2

POULTRY FARMING ENACTMENT STATE OF PERLIS 2006

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I

PRELIMINARY

Section

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

ADMINISTRATION

3. Appointment of authorised officer
4. Authorised officers may request for public assistance

PART III

LICENCING

5. Requirement for licence
6. Application for licence
7. Licencing officer may refuse licence
8. Poultry farming without licence is an offence
9. Validity of licence
10. Licensee to comply with terms and conditions of licence
11. Display and production of licence
12. Revocation and cancellation of licence
13. Renewal of licence
14. Licence not capable of being transferred, assigned *etc.*

PART IV

OFFENCES

15. Offence to discharge of poultry waste or poultry waste water into river, stream *etc.*
16. Offence to discharge or emit of obnoxious or offensive odours or dusts from farm

Section

17. Offence to allow breeding of flies, insects and pests
18. Offence to use banned drugs or abuse use of drugs
19. False declaration and information
20. Unlawful obstruction is an offence

PART V

ENFORCEMENT AND PROSECUTION

21. Licensing officer or authorized officer may enter poultry farms and conduct inspection
22. Power of investigation and arrest without warrant
23. Sanction to prosecute
24. Licensing officer or authorized officer may seize and confiscate subject matter of offence

PART VI

MISCELLANEOUS

25. Court may order forfeiture
26. Penalty for offence not otherwise provided for
27. Offence by body corporate
28. Exempted poultry farm
29. Director may compound offence
30. Compliance with other written laws
31. Protection of public officer and State Authority
32. State Authority may make rules
33. Mens rea not require for offences
34. Transitional provision
35. Service of notice, document or orders and *etc.*
36. Amendment of Schedules

PART VII

APPEAL

37. Appeal to State Authority
38. State Authority and licensing officer may impose conditions

SCHEDULES

- | | |
|------------------|--|
| FIRST SCHEDULE: | Application for a licence to operate poultry farm and poultry related activities |
| SECOND SCHEDULE: | Licence to rear poultry and poultry related activities |
| THIRD SCHEDULE: | Licensing fees |
| FOURTH SCHEDULE: | Offer to compound an offence |
| FIFTH SCHEDULE: | Acceptance of compound offence |

LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 2

POULTRY FARMING ENACTMENT STATE OF PERLIS 2006

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SYED FAIZUDDIN
PUTRA JAMALULLAIL
Regent of Perlis

2 February 2006
3 Muharam 1427

An Enactment to licence poultry farms and to control and regulate poultry farming and poultry related activities in the State of Perlis and to provide for matters related thereto.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. This Enactment may be cited as the Poultry Farming Enactment State of Perlis 2006 and shall come into force on such date as the State Authority may appoint by Notification in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Enactment unless the context otherwise requires—

“authorized officer” means any public officer who is authorized in writing by the State Director of Veterinary Services of Perlis under subsection 3(1);

“breeding” includes—

- (a) keeping of breeding poultry;
- (b) rearing of breeding poultry;
- (c) production of hatching eggs; and
- (d) production of day old chicks;

“breeding poultry” means any male or female poultry of various age and generation used to produce fertile eggs and day old chicks;

“Director” means the Director of Veterinary Services Department State of Perlis;

“drug” means any substance or mixer which is used internally or externally for the purpose of treatment, prophylactic, growth promotant, altering body physiology function or behaviour of a poultry;

“dwelling house” means a cluster of houses not less than five in number with occupants excluding houses on a poultry farm;

“hatchery” means any premise used for incubating and hatching of fertile eggs for the production of day old chicks;

“lay-out plan” in relation to any poultry farm, means a lay-out plan submitted to licensing officer together with an application for a licence;

“licence” means a licence issued under this Enactment;

“licensee” means any person to whom a licence has been issued and includes any person in-charge of, or exercising control of a poultry farm or poultry related activities;

“licensing officer” means any authorized officer designated by the Director in writing as licensing officer under this Enactment and includes the Director;

“offal” includes intestine, stomach, heart, liver, lungs, spleen, kidney, gizzard, blood or any other internal parts of a poultry;

“plant” means any place where processing of poultry is carried out;

“poultry” includes chicken, duck, geese, turkey, guinea fowl, quail, pigeon, ostrich and emu of either sex, of any age, breed or generation including eggs and it crosses and such other birds as may be specified by the Director order in the *Gazette*;

“poultry carcass” includes the dead body of any poultry died of slaughtered or by other means or part thereof;

“poultry farm” means any place where poultry farming is carried out and includes any place for keeping of poultry;

“poultry farming” includes doing any one or more of the following acts:

- (a) rearing of broiler;
- (b) rearing of layer;
- (c) rearing of breeding poultry;
- (d) operating a hatchery; and
- (e) carrying out poultry related activities;

“poultry meat by-product” means includes chicken nuggets, meat balls and other similar products but does not include offal and poultry waste;

“poultry related activities” means processing of poultry and poultry waste or other related activities as may be specified by the Director order in the *Gazette*;

“poultry waste” includes—

- (a) poultry droppings, excreta and feathers;
- (b) waste feed, egg-shells and rotten infertile eggs;
- (c) sawdust, woodshavings and other absorbent material used as litter on the floor of the poultry sheds; and
- (d) such parts of poultry not generally consume by human-being;

“poultry waste water” means any waste water discharged from a poultry farm;

“prescribed” means prescribed by this Enactment or rules and regulations made thereunder;

“prescribed fee” means fee prescribed in the Third Schedule of this Enactment or by any order, rules or regulations made thereunder;

“processing poultry” includes—

- (a) slaughtering, defeathering, deboning or evisceration of a poultry;
- (b) cutting slaughtered poultry into parts;
- (c) doing any act towards the preparation of poultry for manufacturing and producing poultry meat by-products, for sale;

“rules” means rules made under section 32 of this Enactment;

“State” means the State of Perlis.

PART II

ADMINISTRATION

Appointment of authorised officer

3. (1) For the purpose of this Enactment, the Director may appoint in writing any public officer as an authorized officer.

(2) An authorized officer shall produce, on request, the written authority issued to him by the Director.

Authorised officer may request for public assistance

4. No person shall refuse to render any assistance or co-operation to an authorized officer if that officer has reasonably identified himself.

PART III

LICENCING

Requirement for licence

5. (1) No person shall operate or carrying on poultry farming unless he has been issued with a licence under this Enactment.

(2) Notwithstanding anything to the contrary in this Enactment, each poultry farm shall have a separate licence.

Application for licence

6. (1) An application for a licence shall be made to the licensing officer in Form A as specified in the First Schedule.

(2) An application under subsection (1) shall be submitted together with—

(a) a lay-out plan and the location of the proposed poultry farm to be licenced showing—

(i) the boundaries of the farm and the boundaries of the land on which the farm is to be sited;

- (ii) the dimension and the design of the farm buildings and the farm structures;
- (iii) the site location showing the distance in a straight line of any building or dwelling houses, structure, schools, clinics or place of worship, existing at the time of the application within the vicinity of two hundred metres minimum from any building or structure use for rearing of poultry of the proposed poultry farm;
- (iv) notwithstanding paragraph (iii), it shall not apply to any poultry processing and slaughtering plant.

Provided that for the purpose of paragraph (iii), “dwelling house” does not include any squatters, staff quarters or any other premise to be built or provided on the poultry farm for the purpose of it’s worker’s dwelling place:

- (b) a certified true copy of the land title on which the proposed poultry farm to be licenced is sited or to be sited;
- (c) if the land does not belong to the applicant; a written consent from the land owner;
- (d) a certified true copy of business registration, if an applicant is a corporate body.

(3) The fee prescribed in the Third Schedule shall be payable when the application for a licence is approved.

Licencing officer may refuse licence

7. (1) A licensing officer shall refuse to issue a licence if he is satisfied—

- (a) that the poultry farm may cause health hazard to the public;
- (b) that the poultry farm may cause hazard to any public property;

- (c) that the poultry farm may likely to pollute the environment; in the area where it is proposed to be sited;
- (d) that the application does not comply with section 6.

Poultry farming without licence is an offence

8. Any person who operates or carries on any poultry farming without a valid licence shall be guilty of an offence and shall on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit but not less than five thousand ringgit or to an imprisonment not exceeding two years or both.

Validity of licence

9. (1) A licence shall, if not earlier revoked, be valid for a maximum of twelve months from the date it was issued unless it stated otherwise.

(2) A licence shall be in Form B as prescribed in the Second Schedule.

